

29/05/2002

Gegak gempita Citrawarna 2002

Suzan Ahmad

BERGEGAK gempita Dataran Merdeka malam minggu lalu dengan letupan mercun dan pertunjukan bunga api diiringi sorakan puluhan ribu pengunjung sebaik saja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, melancarkan Bulan Citrawarna Malaysia 2002.

Baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, diarak dengan pedati khas hingga ke hadapan pentas utama, didahului iringi hulubalang Melayu yang lengkap membawa payung mahkota warna diraja yang turut diapit empat pengawal berkuda.

Program yang diperkenalkan sebagai acara rasmi merayakan Keputeraan Seri Paduka Baginda selain dianjurkan sebagai acara tahunan sejak 1999 itu membabitkan lebih lebih 5,000 artis (penyanyi, penari, pemuzik) daripada 19 kumpulan kebudayaan negeri masing-masing.

Sebaik kata rasmi dilabuh, tersingkap tirai persembahan yang menyaksikan tarian serta nyanyian oleh Ratu Pop Siti Nurhaliza yang mendendangkan lagu Pah Ngah, Kurik Kundi.

Seperti biasa Pak Ngah's Productions memang pakar dalam membekalkan pelbagai kelengkapan, kostum, persiapan serta tenaga penari bagi melicinkan lagi perjalanan perarakan ala Mardi Gras itu.

Namun Stigma yang terpalit sejak perarakan Citrawarna mula diperkenalkan empat tahun lalu nampaknya masih terlekat kuat. Tidak salah jika dikatakan pengunjung dihadirkan dengan siaran ulangan Citrawarna yang lalu. Dari segi konsep persembahan, busana dan bentuk tarian, tiada banyak perbezaan yang berjaya dipaparkan.

Apapun cubaan untuk lari dari belunggu itu tergambar sedikit dengan perarakan burung lagenda, Petalawati yang dibawakan khas dari Kelantan, Menurut hikayat lama, keturunan diraja Kelantan dipercayai berasal dari kayangan dan Petalawati adalah lambang kesaktian yang tiada taranya.

Persembahan bertajuk Bintang Mutiara dari Pulau Pinang tampak unik. Kelainan serta kreativiti membangkitkan nostalgia zaman kegemilangan 50-an hingga 70-an tidak dapat lari dari nama seniman kelahiran Pulau Mutiara seperti Allahyarham Tan Sri P Ramlee, Datuk Ahmad Nawab dan Datuk Ahmad Daud.

Selain itu persembahan berbaur Siam tidak kurang hebatnya. Penonton yang berasak-asak turut sama menari kerana terhibur. Selain acara kebudayaan, beberapa pentas juga menampilkan persembahan artis pop seperti deja Moss, A Rahman Hassan, Ifa Raziah, Nowseeheart dan Fazley.

Pelbagai peristiwa lucu dapat disaksikan. Maklumlah dalam acara gergasi sebegitu, macam-macam boleh berlaku. Ada peserta yang terlalu ghairah menari hingga tidak sedar sampinnya tertanggal!

Selain itu, sang lembu yang berarak bersama rombongan Melaka sempat 'melabur' di depan khalayak ramai. Beberapa pelancong Jepun yang lengkap berkimono hanya mampu tergelak. Nasib baik penganjur segera membersihkan kekotoran kerana sudah menjangkakan apa yang berlaku.

Apa yang pasti, Citrawarna kini mula menjadi agenda utama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ia juga lambang keharmonian negara yang dihuni rakyat pelbagai kaum.

Sepanjang bulan ini sehingga 25 Jun depan, orang ramai dan juga tetamu luar akan dihiburkan dengan 56 acara besar yang sudah dikenal pasti untuk dirayakan di seluruh negara membabitkan rakyat semua kaum.

Acara malam gilang-gemilang yang bermula sekitar jam 9 malam itu

diakhiri dengan lagu Malaysia Truly Asia serta pertunjukkan hebat bunga api.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir. Ia turut dipancarkan secara langsung menerusi RTM.

(END)